



NASI AMBENG ISTIMEWA



HANYA DI RIVERSTONE ECO RESORT. Hutan Lipur Sungai Tua, Batu Caves, Selangor. 013-2080833, 03-92022672

00168913

THURSDAY, MARCH 11, 2010

Empangan Batu



TerataiBunga Indah...seindah Sungai Batu

 [Eco-tourism Blogs - BlogCatalog Blog Directory](#)

SELAMAT DATANG



Hutan Lipur Sungai Tua, Jalan Sungai Tua,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan. Tel
: 013-2080833, 03-92022672. email :
etika_riverstone@yahoo.com

KUNJUNGI KAMI



Lagu tema restoran kami



Muara Sungai Tua dan Sungai Bisul



Pelantar aktiviti sukan 'Rowing'




Senja di R1

Empangan Batu atau Batu Dam terletak di Lembah Kelang atau lebih tepat lagi ia terletak di sepanjang jajaran rangkaian jalan utama Selayang-Sungai Tua-Ulu Yam. Empangan ini hanyalah empangan untuk bekalan air minuman sahaja, bukan empangan janakuasa elektrik. Empangan ini boleh menampung 30,199 juta liter air. Empangan ini telah dibina bagi menampung keperluan air penduduk di Selangor terutama di ibu kota Kuala Lumpur. Sungai Batu yang mengalir dari Banjaran Titiwangsa telah dipilih kerana berdekatan dengan Kuala Lumpur. Empangan Batu menyalurkan air mentah kepada loji rawatan air Sungai Batu.



Klik .. Lagu tema



DORM DAN CHALET BULUH



Keluasan 10'x14', katil bertingkat, menggunakan tandas dan bilik mandi awam.

HILLVIEW / DORM



Penginapan Dorm/Asrama. Kedudukan di atas bukit, kapasiti 100 orang, katil bertingkat, tandas dan bilik air.

CHALET KAYU



GAZEBO



Empangan Batu berkeluasan 775 hektar yang terdiri daripada kawasan pertanian dan hutan.



Selain Sungai Batu terdapat 2 lagi anak sungai utama yang mengalir air ke Empangan Batu iaitu Sungai Tua dan Sungai Bisul.

Empangan Batu dibina selepas berlaku banjir besar di Kuala Lumpur pada tahun 1971. Kerajaan telah mengadakan satu projek tebatan banjir yang besar bermula pada 1973.

Menerusi projek ini dua empangan telah dibina iaitu Empangan Batu dan Empangan Klang Gate.

Penurunan tahap air yang serius di Empangan Batu pada bulan Februari 1998 disebabkan oleh fenomena El Nino telah menyebabkan kepada berlakunya kekurangan bekalan air yang melibatkan hampir ke semua penduduk Lembah Kelang. Krisis ini menyebabkan kerajaan melakukan catuan air yang dibuat sebelum Sukan Komanwel 1998 di Kuala Lumpur.

Hari ini Empangan Batu menjadi tumpuan pencinta fotografi untuk merakamkan keindahan alam semulajadinyamenjadi lokasi penggambaran filem dan tidak kurang juga dikunjungi oleh masyarakat sekitar untuk menikmati kesejukan air Sungai Batu yang nyaman.



Tetapi semenjak dari penghujung tahun 2008, kawasan sepanjang 400 meter dari muara Sungai Batu sehingga ke jambatan Jln Sungai Tua, tidak lagi boleh di gunakan sebagai tempat perkelahan...Pembinaan tembok batu bukan sahaja telah menyekat penggunaan sungai sebagai tempat rekreasi malah telah mencacatkan pandangan. Papan tanda larangan

juga telah dipacakkan untuk mengumumkan penutupan kawasan tersebut.

Apa yang menjadi persoalan di sini adalah....apakah kepentingan penutupan kawasan ini? Hanya kerana terdapatnya Projek Pemeliharaan Ikan Kelah? Bolehkah ikan kelah hidup di muara sungai sedangkan di pangkal sungai merupakan tempat perkelahan? Hidupkah ikan kelah di air tohor dan kotor? Apa yang lebih menjadi kemusykilan, hari ini, tempat yang diwartakan sebagai tempat larangan ini dilihat telah dijadikan sebagai tempat rekreasi, tempat mandi manda....tetapi hanya untuk orang tertentu



Penggunaan terhad. Hanya untuk tempahan tertentu sahaja.

PELITA



Resort kami tiada bekalan elektrik hanya menggunakan Generator yang beroperasi dari pukul 6.30 ptg - 12.00 mlm selepas tu kita akan gunakan pelita minyak tanah

Dusun



Selain durian, terdapat juga pokok manggis, jering, pulasan, cempedak, temponek, mangga.

Dewan Sungai Gimber



Kapasiti 150 orang, theater style sitting, terbuka, kipas berdiri dan surau.

Flora dan Fauna

sahaja....malahan ada binaan tandas sementara yang disalurkan ke Sungai Batu sisa buangnya....



Haruskah situasi ini dibiarkan berterusan?




Terdapat pelbagai jenis burung, unggas yang menghasilkan bunyi-bunyian riang ketika senja hampir tiba di sini.



Senja - R2

Terdapat juga tempat-tempat rehat di tepi jalan di sepanjang Empangan ini yang di namakan R1, R2 dan R3. Pengguna laluan Sg Tua - Ulu Yam boleh berhenti dan berehat seketika di gazebo yang dibina di tempat-tempat rehat ini. Selain dari menikmati kesegaran udara tasik dan keindahan hutan. Keindahan Sg Tua yang masih belum tercemar tidak diketahui ramai.



Untuk ke sini anda perlu berjalan kaki selama satu jam melalui jalan hutan dan bukit. Tetapi perjalanan anda amat berbaloi kerana anda akan menikmati keindahan Sg Tua...airnya yang jernih, sejuk dan anak-anak ikan berwarna-warni dapat anda lihat hidup tanpa gangguan di sini...

Kami di Riverstone Eco Resort sering mengadakan kerja-kerja pembersihan di sekitar dan muara Sungai Batu atau bagi penduduk setempat dikenali sebagai Kampung Bakar Batu. Oleh itu bagi pemancing yang sering ke sini kami ingin menyeru supaya anda menjaga kebersihan dan jangan buang sampah merata-rata. Hargailah keindahan alam sekitar kita. Ingat kita tidak mewarisi alam dan isinya tetapi meminjamnya dari anak-anak kita....



LOBI



Lobi yang luas sentiasa menanti ketibaan setiap pengunjung.

HARGA PAKEJ



AKTIVITI REKREASI



Jungle Survival, Rentas Hutan, Rentas Sungai, Flying Fox, Abseiling & Repailing, Jalan Malam, Berakit, Rempuh Halangan, Perang Berapi, Sukaneka, Memanah, Bola Baling, Menyumpit, Explore Riverstone Race, Paintball.

SUNGAI





Muara Sungai Batu



Pandangan dari muara Sungai Batu menghala ke Riverstone Eco Resort



Riverstone Eco Resort

Beriadah sambil nikmati alam semula jadi di RIVERSTONE



Riverstone Survival dan Smart Camp semai nilai positif remaja



Bina sahsiah di hutan lipur



MERENTAS HUTAN



RESTORAN




Menyajikan pelbagai jenis masakan melayu.



Penginapan - Riverstone Eco Resort

Bersedia menerima tempahan untuk pelbagai majlis.

Istimewa Hari Ini



Posted by Riverstone Eco Resort at **7:40 AM**

No comments:

Post a Comment

"Sila tinggalkan komentar anda"



Enter Comment

[Newer Post](#)

[Home](#)

[Older Post](#)

Subscribe to: [Post Comments \(Atom\)](#)

Selera Nasi Ambeng



Budaya Jawa kian dilupakan



Hidangan istimewa tengah rimba